

30 DEC 1999

BINTANG MELEWAR-PM

BINTANG MELEWAR SAMBUT BAIK KENYATAAN PERDANA MENTERI MENGENAI CLOB

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Bintang Melewar Sdn Bhd hari ini menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Bursa Saham Kuala Lumpur mungkin melanjutkan status penama Central Depository Pte Ltd Singapura bagi saham-saham Central Limit Order Book (CLOB) International yang dibekukan di dalam Depositiry Pusat Malaysia.

Katanya, "Kenyataan itu memberikan semua pihak lebih banyak masa untuk mengemukakan cadangan-cadangan mereka," kata Bintang Melewar di dalam satu kenyataan.

Syarikat itu berkata ia bercadang menyelesaikan sepenuhnya tawarannya menjelang Januari 2000 bagi para pelabur untuk mengkaji semula dan memilih daripada pilihan-pilihan yang ada.

"Di dalam pilihan-pilihan itu, para pelabur mempunyai peluang untuk memilih cadangan yang dibuat oleh Persatuan Pelabur Sekuriti (Singapura) yang mana kami sedang dalam proses mempermudah pihak-pihak berkuasa berkenaan.

"Kami juga adalah satu-satunya syarikat yang mengemukakan cadangan SIAS, yang mempunyai sokongan para pelabur CLOB," tambah kenyataan itu. --  
BERNAMA

DVS KTC OS